

Sampah meningkat

Sinar 17/5/12 MS 20

Perlu alternatif pelupusan sisa pepejal di Lembah Klang

HIDAYAH HAIROM

KUALA LUMPUR - Sudah tibanya masanya kerajaan meneliti secara serius alternatif baru bagi pelupusan sampah khususnya bagi kawasan Lembah Klang melihat kepada peningkatan sisa pepejal yang dihantar dari Taman Beringin ke Bukit Tagar.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Ahmad Fuad Ismail berkata, tapak pelupusan sampah di Bukit Tagar berkeluasan 800 hektar tidak akan mampu terus menampung jumlah sisa pepejal yang meningkat dari masa ke semasa.

Menurutnya, purata kutipan sampah dari Taman Beringin ke Bukit Tagar meningkat dari 1,700 sehingga 2,500 tan metrik sehari.

"Di mana hendak cari kawasan lapang sekiranya sampah semakin bertambah, tambahan pula populasi penduduk di Lembah Klang sahaja sudah meningkat kepada 10 juta orang.

"Di Kuala Lumpur sahaja, seramai 1.7 juta orang dan akan meningkat dalam tempoh lima ke sepuluh tahun lagi.

"Kita akan berhadapan dengan masalah kerana dalam keadaan sekarang, jumlah sampah akan meningkat, sampai satu masa ia akan penuh, mungkin tidak dapat digunakan sehingga 40 ke 50 tahun," katanya ketika Majlis Penyerahan 'Prime Mover' untuk Perkhidmatan Sisa Pepejal Kuala Lumpur, di Jabatan Penguatkuasaan,



Ahmad Fuad melihat 'Prime Mover' yang diserahkan kepada Tetuan Umpan Jaya.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di sini, semalam.

Ahmad Fuad berkata, alternatif lain seperti pengenalan kepada penggunaan insinerator perlu dikemukakan seperti dilakukan di negara maju lain antaranya Jepun, Eropah dan Singapura.

Katanya, negara-negara itu melabur untuk menggunakan teknologi tinggi yang hanya memerlukan ruang terhad.

"Jika kos untuk pelupusan sampah yang dibuat di Bukit Tagar lebih mahal, alternatif menggunakan insinerator ini perlu diteliti," katanya.

Pada majlis tersebut sebanyak 31 unit 'Prime Mover' bernilai RM10.6 juta ke-

seluruhannya diserahkan oleh Ahmad Fuad kepada Tetuan Umpan Jaya Sdn Bhd yang bertanggungjawab menguruskan pemindahan sisa pepejal dari Stesen Pemindahan Taman Beringin, Jinjang ke Tapak Pelupusan Sanitari Bukit Tagar, Hulu Selangor.

'Prime Mover' yang diserahkan melalui peruntukan diberikan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), kepada DBKL, diharapkan dapat mempertingkatkan kecekapan pengurusan Stesen Pemindahan Taman Beringin seterusnya meminimalkan longgokan pepejal domestik yang boleh menyebabkan pencemaran bau.